

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah keseluruhan sumbangan Tabung COVID-19 dan bagaimana sumbangan itu disalurkan serta pihak yang menerima bantuan tabung berkenaan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga **14 Julai 2020**, jumlah kutipan/terimaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM42,644,587.57**. Butiran adalah seperti berikut:

BIL	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1	Sumbangan Kerajaan Malaysia	1,000,000.00
2	Sumbangan Institusi Diraja	200,000.00
3	Sumbangan Anggota Pentadbiran	1,700,904.88
4	Sumbangan Korporat	34,114,858.45
5	Sumbangan Lain-lain	5,628,824.24
JUMLAH		42,644,587.57

2. Sehingga **14 Julai 2020**, jumlah perbelanjaan Tabung COVID-19 adalah sebanyak **RM28,760,705.44**. Butiran adalah seperti berikut:

BIL	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1	Bantuan Bakul Makanan kepada yang memerlukan (program KPWKM)	25,229,105.44
2	Bantuan Khas COVID -19 - Pengurusan Kematian (RM5,000)	525,000.00
3	Bantuan Khas COVID -19 - Kehilangan Pendapatan (RM100)	3,006,600.00
JUMLAH		28,760,705.44

3. Peruntukan bagi Bantuan Bakul Makanan disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara. KPWKM melalui JKM menyampaikan bantuan dalam bentuk Bakul Makanan dan wang tunai kepada mereka yang memerlukan semasa tempoh PKP.

4. Bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian, NADMA menyalurkan bantuan wang tunai (RM5,000) kepada 105 waris pesakit yang telah meninggal dunia ekoran jangkitan wabak COVID-19.

5. Bagi Bantuan Khas Kehilangan Pendapatan, NADMA menyalurkan bantuan wang tunai sebanyak RM100 sehari (maksimum 14 hari - RM1,400) kepada 2,190 orang yang layak. Syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji sepanjang tempoh dikenakan Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19 Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- b) Warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji

sepanjang tempoh menjalani rawatan di wad hospital (*warded*)
ekoran COVID-19.

6. Sehingga **14 Julai 2020**, Baki Tabung COVID -19 adalah sebanyak **RM13,883,882.13** dan akan digunakan untuk membayar Bantuan Khas Pengurusan Kematian dan Kehilangan Pendapatan yang sedang diproses. Jika masih terdapat baki tabung ini, baki tersebut akan dimasukkan ke Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN).

Sekian, terima kasih.